

Kontinjen UPM cemerlang

Tuan rumah tepati ramalan apabila unggul SUKIPT selepas berjaya rangkul 12 emas, 5 perak

TUAN rumah Universiti Putra Malaysia (UPM) menepati ramalan apabila mengungguli Kejohanan Olahraga Pra Sukan IPT Malaysia (SUKIPT) di Stadium Putra UPM Serdang, minggu lalu.

Kontinjen UPM yang dibarisi hampir keseluruhannya atlet pelapis dan bekas atlet negara memperoleh 12 emas dan 5 Perak.

Sukma Selangor kedua, 6 emas 7 perak 3 gangsa manakala Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) ketiga, 3 emas 5 perak dan 2 gangsa.

Lebih 25 kontinjen daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam, Swasta dan Politeknik selain pasukan jemputan dari Sukma dan pelapis Johor serta Selangor turut serta memberi sokongan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi bagi penganjuran Kejohanan Sukan IPT Malaysia (SUKIPT), Oktober ini.

Menurut penyelaras kejohanan merangkap Penolong Pengurus Pasukan Olahraga Malaysia ke Sukan Universiti



Asean, Muhamad Firdaus Abdullah, selain langkah awal penganjur menilai tahap persiapan, kejohanan ini juga dijadikan platform pemilihan

atlet ke Sukan Universiti Asean di Laos, Disember ini yang turut membabitkan sokongan Kesatuan Olahraga Malaysia (KOAM).

Antara atlet negara yang menyertai kejohanan dua hari itu adalah Zabidi Gazali (200m), Ghanthi Mathi (800m dan 1500m), Noramira Mohd Na-

fiah (lompat jauh).

Pemenang pingat perak Sukan Sea Laos dan Indonesia, Kanathesan turut beraksi selain jaguh lontar peluru ne-

gara, Adi Aliffudin Hussin.

Bekas atlet IPT dan negara seperti Robani Hassan dan Norjannah Hafisah Jamaludin turut mewarnai temasya.

RAI...dua atlet dari Unimap (dari kiri) Nurhaslinda Md Husin peroleh perak, manakala Norjannah Hafisah Jamaludin peroleh emas dan Masliza Sulaiman dari Politeknik Sabah memenangi pingat gangsa dalam acara 100m wanita.